Sebagai langkah ke arah pencapaian matlamat pendidikan negara KPM yang berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah melaksanakan dan mewartakan beberapa peraturan dan perundangan dalam pendidikan bagi menghasilkan sebuah sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia (Mohd Ismail Othman 2011). Perkara berhubung salah laku dan tatatertib yang dianggap berat dan menyalahi disiplin sekolah adalah seperti menjadi ahli dalam pertubuhan haram, membawa senjata berbahaya dengan tujuan jahat, memukul atau mengancam guru, guru besar ataupun pengetua, melanggar peraturan dan undang-undang yang ditubuhkan oleh sekolah, sengaja merosakkan harta benda sekolah, persendirian dan pelajar lain, mengancam pelajar lain, merokok ataupun vape serta mengambil dadah.

Di samping itu pelajar yang sengaja menimbulkan perkara sensitif dengan tujuan untuk menimbulkan huru-hara dan perbalahan kaum juga merupakan salah satu kesalahan tatatertib yang berat. Dalam kes PP v The Offender [1998] 4 MLJ 152, pesalah kanak-kanak terbabit berusia 14 tahun. Walaupun kesalahan yang dilakukan agak berat iaitu kesalahan memiliki dadah berbahaya di bawah Seksyen 39A (2) Akta Dadah Berbahaya 1952, namun mahkamah memutuskan bahawa pesalah kanak-kanak itu dihantar ke sekolah yang diluluskan.

Keputusan mahkamah ini mungkin berdasarkan kepada faktor umur kanak-kanak tersebut iaitu empat belas tahun satu bulan. Mahkamah menjelaskan bahawa hukuman seperti penjara, denda ataupun perintah percubaan adalah tidak sesuai bagi pesalah pada usia berkenaan, walaupun kesalahan yang dilakukan ialah kesalahan berat dan serius serta mampu mengancam keselamatan negara.

Perbincangan tentang Sekolah Henry Gurney juga perlu apabila sesuatu keputusan dibuat terhadap pesalah kanak-kanak. Peruntukan berhubung Sekolah Henry Gurney dinyatakan dalam Bab 5 Akta Kanak-kanak 2001, bermula daripada seksyen 73 hingga seksyen 75. Perkara utama yang perlu diberi perhatian bagi jenis hukuman ini ialah Seksyen 74 yang mensyaratkan bahawa kanak-kanak yang bertanggungan yang dihantar ke Sekolah Henry Gurney perlulah berumur 14 tahun dan ke atas.

Ini bermakna kanak-kanak yang berumur kurang daripada 14 tahun, jika bertanggungan, tidak boleh dihantar ke Sekolah Henry Gurney. Sebaliknya, mereka hanya boleh dihantar ke sekolah yang diluluskan (Seksyen 65, Akta Kanak-kanak 2001). Sekolah yang diluluskan ialah sekolah yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah Seksyen 65, Akta Kanak-kanak 2001 seperti Sekolah Tunas Bakti yang diletakkan bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia (Seksyen 65, Akta Kanak- kanak 2001).

Dalam kes Tukiran Taib v PP [1955] 21 MLJ 24, kanak-kanak berusia tujuh belas tahun telah mengaku bersalah melakukan kesalahan mencuri di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan. Beliau telah mencuri 176 biji kelapa akibat ketiadaan wang untuk berbelanja. Kanak-kanak itu telah dihukum empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret Tanjung Karang.

Namun, Mahkamah Tinggi telah mengetepikan hukuman yang dijatuhkan tersebut dan telah memerintahkan agar beliau dihantar ke Sekolah Henry Gurney di Teluk Mas (keputusan diputuskan oleh Hakim Bellamy dalam kes Tukiran Taib v PP [1955] 21 MLJ 24 hlm 25). Usaha menangani masalah disiplin pelajar diperkukuh dengan penubuhan empat Jawatankuasa Bertindak dikenali sebagai Jawatankuasa Bertindak Menangani Isu di Sekolah, Jawatankuasa Bertindak dalam Aspek Perundangan dan Penguatkuasaan, Pendekatan Psikologi dan Kesihatan serta Jawatankuasa dalam Pendekatan Kemasyarakatan (James Ang Jit Eng 2013). Menerusi Jawatankuasa Bertindak yang telah diwujudkan, pihak KPM melaksanakan pendekatan secara holistik bagi menangani gejala disiplin pelajar.

KPM memperhebat Kempen Anti-Buli, Kempen Anti-Ponteng, kempen untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam PIBG dan Kempen Pencegahan Salah Laku. KPM juga mewartakan Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) yang baharu dan mencadangkan pindaan terhadap undang-undang kecil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) berhubung pengeluaran lesen dan pengenaan syarat-syarat ke atas kafe siber, Akta Polis 1967 (Akta 344) dan 385 Proceedings of The Tuanku Ja ' afar Conference (TJC) 2017 Governance Towards Sustainable Development Goals ________________________________________________________________ Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Wujudnya peraturan-peraturan baharu ini setidak-tidaknya dapat membendung masalah disiplin dalam kalangan pelajar seperti mengawal atau menghalang pelajar dari melakukan buli atau ponteng sekolah. Selain pelaksanaan disiplin, dari perspektif undang-undang, pihak kementerian juga telah membuat peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap sekolah.

Dengan kuasa yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996, Menteri telah menggubal peraturan-peraturan yang dinamakan Peraturan-peraturan Pendidikan yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1998 (Mohd Ismail Othman 2011). Tujuan peraturan ini dilaksanakan adalah untuk mengawal tingkah laku dan melicinkan perjalanan hidup warga sekolah supaya proses pembentukan jati diri dan pendidikan pelajar berjalan lancar tanpa ada sebarang gangguan.

Ini kerana sekiranya terdapat gangguan dalam sistem pendidikan menyebabkan sistem pendidikan yang dirancang tidak dapat dijalankan dengan teratur dan secara tidak langsung ia juga membantutkan usaha pembentukan nilai-nilai murni terhadap para pelajar. Usaha pembentukan nilai-nilai murni ini adalah penting bagi para pelajar bagi menghadapi situasi sebenar dalam alam kehidupan yang sebenar.

Sama seperti pengurusan disiplin dan peraturan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dengan mengambil inisiatif untuk membuat beberapa perubahan berterusan dalam pendidikan termasuk mewartakan perundangan pendidikan yang telah dikeluarkan pada tahun 1996 dan 1997 (Mohd Ismail Othman 2011). Seiring dengan perkembangan dunia pendidikan, lautan cabaran dan rintangan perlu diharungi terutamanya bagi golongan guru.

Cabaran utama adalah tanggungjawab para guru sebagai pendidik di samping cabaran dari ibu bapa yang kebelakangan ini begitu mudah mengambil tindakan mahkamah terhadap pendidik apabila berlaku sesuatu kes (Astro Awani 2016). Warga pendidik sekarang berpendapat profesion yang diceburi terdedah kepada pelbagai risiko dan liabiliti. Seharusnya, kepentingan para pendidik dalam memberikan pendidikan kepada para pelajar wajar dilindungi.

KPM seharusnya memberikan perlindungan dan perhatian sepenuhnya kepada guru yang diambil tindakan mahkamah oleh ibu bapa tanpa ada sebab dan bukti yang kukuh terhadap sesuatu isu yang disabitkan (Astro Awani 2016). Berhubung dengan isu pendidikan, antara akta yang telah diwartakan oleh pihak kementerian termasuklah Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996 (Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996). Akta Pendidikan 1996 merupakan suatu akta bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan (Akta Pendidikan 1996).

Akta ini merangkumi skop pendidikan yang lebih luas berbanding peraturan dan disiplin pendidikan. Ia meliputi semua kategori sekolah yang mengamalkan sistem pendidikan kebangsaan. Dalam pada itu, tujuan akta ini adalah untuk menjamin kualiti di dalam sistem pendidikan. Akta ini mengawal selia usaha ke arah mempertingkatkan kualiti pendidikan di peringkat prasekolah, pendidikan guru, pendidikan khas, pendidikan swasta dan pendidikan teknikal.

Di samping itu, melalui Akta Pendidikan 1996 ini, penekanan dibuat bagi membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni selaras dengan perkembangan dunia yang berdaya saing tinggi, bersifat global dan memfokuskan teknologi maklumat. Selain itu, di bawah akta ini kedudukan bahasa

Inggeris sebagai bahasa kedua juga diberikan penekanan dan pengajaran bahasa-bahasa asing yang lain juga digalakkan.

Akta ini telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1998 (Akta Pendidikan 1996). Akta Pendidikan 1996 merupakan lanjutan dan pembaharuan daripada Akta Pelajaran 1961. Akta Pendidikan 1996 menampilkan kesinambungan kepada hasrat dan dasar pendidikan yang sedia ada. Ia berpaksi kepada perakuan-perakuan utama Penyata Razak 1956 yang menjadi asas dasar pendidikan kebangsaan selama ini.

Akta ini juga banyak mengekalkan peruntukkan yang masih relevan daripada Akta Pelajaran 1961 (Mohd Ismail Othman 2011). Bagi pelajar sekolah, mereka masih boleh dikategorikan di bawah kategori kanak-kanak berdasarkan faktor umur (Anita Abdul Rahim, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin & Ramalinggam Rajamanickam, 2014).

Dalam aspek undang-undang jenayah yang melibatkan pesalah kanak-kanak di Malaysia, terdapat dua statut atau undang-undang utama yang wajar dirujuk (Anita

Abdul Rahim 2014). Ia ialah Akta kanak-kanak 2001 dan Kanun Keseksaan Malaysia.

Kanun Keseksaan Malaysia iaitu Akta 574 merupakan akta induk berkenaan dengan kesalahan-kesalahan jenayah di Malaysia. Ia banyak berasaskan Indian Penal Code yang menggabungkan Livinge's Code dan Code of Napoleon serta undang-undang adat India sendiri (Ratanlal & Dhirajlal 1987). Sebagai contoh, jenayah yang boleh dilihat adalah jenayah rogol.

Memandangkan perundangan Malaysia ialah berasaskan common law Inggeris, maka tidak hairanlah kebanyakan prinsip undang-undang di England telah diterima pakai di Malaysia menurut kesesuaian adat dan keadaan tempatan. Dalam kes Regina v Brimilow [1840] 9 CAR & P 366, 1928, seorang kanak-kanak lelaki yang berumur sebelas tahun telah menghadapi tuduhan rogol.

Fakta jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut telah melakukan hubungan seksual dengan mangsa, namun Hakim Baron Gurney yang membicarakan kes tersebut memutuskan bahawa tertuduh tidak boleh disabitkan merogol kerana umurnya di bawah umur 14 tahun dan menggantikan sabitan dengan jenayah serangan. Keputusan yang sama dibuat dalam kes The King v William Groombridge [1836] 7 CAR & P 116, 1928.

Dalam kes The King ini, mangsa rogol ialah seorang kanak-kanak perempuan berumur sepuluh tahun. Memandangkan tertuduh berumur di bawah empat belas tahun, maka kaedah undang-undang tentang anggapan ketidakupayaan adalah terpakai dan kanak-kanak itu diputuskan sebagai tidak bersalah melakukan rogol.

Walau bagaimanapun, prinsip anggapan ketidakupayaan rogol oleh kanak-kanak lelaki di bawah undang-undang Inggeris kini telah dimansuhkan (Anita Abdul Rahim 2014). Menurut Anita Abdul Rahim, tiada lagi anggapan undang-undang yang mengecualikan kanak-kanak lelaki berumur kurang daripada 14 tahun daripada bersalah melakukan rogol (Anita Abdul Rahim 2014).

Jenayah rogol telah diperuntukkan dalam Seksyen 375 Kanun Keseksaan Malaysia dan hukumannya telah dinyatakan dalam Seksyen 376 Kanun yang sama. Berdasarkan takrif rogol yang tercatat dalam Kanun Keseksaan, maka jelas bahawa ia tidak mengecualikan secara khusus kanak-kanak lelaki yang berusia di bawah 13 tahun.

Namun begitu, dengan wujudnya peruntukan Seksyen 113 Akta Keterangan 1950, maka secara muktamadnya pertuduhan jenayah rogol tidak boleh dibuat terhadap kanak-kanak lelaki tersebut (Anita Abdul Rahim 2014). Ia ialah anggapan undang-undang yang tidak boleh disangkal. Sungguhpun begitu, terdapat dalam kalangan kanak-kanak lelaki pada umur tersebut yang telah mampu dan berupaya melakukannya namun ia tidak boleh menjadi fakta yang boleh diterima. Kesannya, undang-undang menetapkan golongan ini tidak boleh didakwa dengan jenayah rogol atas faktor umur.

Terdapat kes menunjukkan kanak-kanak pada usia di bawah 13 tahun berkeupayaan melakukan jenayah rogol. Misalnya, menurut laporan dalam The News Straits Times bertarikh 13 Mac 2005 di mana kanak-kanak berumur 12 tahun telah merogol seorang murid perempuan darjah tiga di dalam sebuah tandas di Tumpat, Kelantan (The News Straits Times bertarikh 13 Mac 2005; Anita Abdul Rahim 2014).

Selain itu, terdapat kes dilaporkan di Jelebu, Negeri Sembilan tentang seorang kanak-kanak lelaki berumur 12 tahun telah ditangkap kerana merogol sepupu perempuannya yang berumur empat tahun di sebuah ladang tebu berhampiran dengan rumah neneknya (Harian Metro 2004). Selain kes rogol, kes buli juga wujud di sekolah. Mayapada, gejala buli dalam kalangan remaja sekolah amat membimbangkan semua pihak terutama ibu bapa dan para guru.

Banyak isu dibahaskan kini tentang buli di madia massa yang mencerminkan kejadian yang membahayakan keselamatan pelajar sekolah khususnya sekolah berasrama. Ada

yang memperkatakan tentang sekolah seolah-olah menjadi pusat menghasilkan ‘virus fobia’ kerana pelajar takut untuk tinggal di asrama sekolah (Berita Harian Online bertarikh 20 November 2014).

Perbuatan salah laku yang tidak bermoral dan beretika ini menyebabkan pelajar menjadi mangsa cedera, patah tulang, terputus lidah, koma dan terdapat juga kes sehingga menyebabkan kematian akibat buli di asrama dan sekolah (Berita Harian Online bertarikh 20 November 2014). Jumlah kes buli dilaporkan di sekolah-sekolah di seluruh negara adalah kira-kira 4,000 kes pada tahun 2014 dan 3,000 kes pada tahun 2015 (Astro Awani bertarikh 27 Mac 2016). Laporan menunjukkan terdapat pengurangan kes pada tahun 2015 berbanding kes yang dilaporkan pada tahun 2014. Lantas, Datuk P.

Kamalanathan, Timbalan Menteri Pendidikan menyatakan bahawa penurunan itu suatu petanda baik dalam usaha memerangi gejala buli di sekolah dan adalah menjadi hasrat kementerian agar disifarkan kes buli di sekolah. Namun begitu, pihak kementerian masih belum berpuas hati dan menganggap 
buli masih serius. Datuk P.

Kamalanathan turut melahirkan rasa kecewa dan sedih terhadap kes buli terbaharu yang dilaporkan berlaku pada tahun 2016 yang menyaksikan seorang pelajar dipaksa menggunting lidah sendiri di Klang, Selangor (Astro Awani bertarikh 27 Mac 2016). Pendidikan undang-undang memberikan impak terhadap pelbagai lapisan masyarakat, sama ada para pelajar, ibu bapa, guru, pengetua dan guru besar sekolah, pihak pentadbir mahupun pembuat dasar (Tie Fatt Hee 2014).

Bahkan Stephen Machin, Olivier Marie dan Suncica Vujic di dalam artikel mereka mendapati bahawa pendidikan mampu mengurangi kadar jenayah (Stephen Machin, Olivier Marie & Suncica Vujic 2011). Ia merangkumi berbagai-bagai aspek perundangan seperti undang- undang tort, undang-undang kontrak, undang-undang amanah, undang-undang jenayah, prosedur sivil, undang-undang perlembagaan dan undang-undang pentadbiran (Tie Fatt Hee 2014).

Ia juga amat praktikal dan melibatkan senario dan isu-isu harian yang berlaku di sekolah-sekolah di seluruh negara (Tie Fatt Hee 2014). Oleh itu, pendedahan awal tentang pendidikan undang-undang perlu diterapkan di peringkat sekolah lagi. Pendidikan mampu mempengaruhi kewujudan jenayah di sekolah (Lochner, L. & Moretti, E., 2004).

Menjadi suatu kepentingan bagi memberikan kesedaran kepada pelajar dan mampu mengurangkan kadar jenayah di sekolah jika pelaksanaannya dikawal dengan baik. Kursus khas juga wajar diadakan bagi menyampaikan ilmu dan maklumat berhubung dengan undang-undang jenayah yang disalurkan di sekolah menengah. Ia penting agar perlaksanaan penyampaian undang-undang jenayah di sekolah dapat dicapai.

Kesedaran tentang pendidikan undang-undang di peringkat sekolah bukan suatu yang baharu kerana kesedaran tentangnya mungkin telah ada cuma perlaksanaannya mungkin masih kabur. Semua usaha yang dibuat adalah bagi mendisiplinkan para pelajar. Ia juga adalah sebagai latihan pemikiran dan kelakuan agar pelajar dapat mengawal diri sendiri dan patuh kepada undang-undang yang ditetapkan (James Ang Jit Eng 2013).

Ia juga melatih pelajar supaya berkelakuan baik, taat kepada undang-undang yang ditetapkan dan beringat terhadap hukuman atau denda jika pelanggaran terjadi ke atas undang-undang yang ditetapkan (James Ang Jit Eng 2013). CADANGAN PENAMBAHBAIKAN Aspek pendidikan mampu memastikan pelajar kurang melibatkan diri dalam sesuatu jenayah (Stephen Machin, Olivier Marie & Suncica Vujic 2011).

Ini sekaligus mampu mengurangi kadar jenayah di sekolah-sekolah (Stephen Machin, Olivier Marie & Suncica Vujic 2011). Mohd Ismail Othman berpendapat aspek pendidikan dan perundangan perlu diberikan perhatian (Mohd Ismail Othman 2011). Namun, aspek perundangan dalam pendidikan jarang sekali dilaporkan walaupun perkara ini penting untuk semua pihak termasuk guru, ibu bapa dan para pelajar (Mohd Ismail Othman 2011).

Kewujudan perundangan dalam bidang pendidikan telah memberikan banyak impak kepada pembangunan pendidikan negara terutamanya dari segi perpaduan kaum seperti yang terkandung dalam Akta Pelajaran 1961 yang digunakan selepas negara merdeka serta penggunaan Akta Pendidikan 1996 yang telah diselaraskan dengan kehendak dan aspirasi pendidikan masa kini yang ingin menjadikan pendidikan sebagai asas pembangunan negara dari segi emosi dan jasmani serta intelektualisme individu (Mohd Ismail Othman 2011). Dengan adanya pendidikan undang-undang yang baik dan terancang, hasrat dan cita-cita negara untuk menjadi sebuah negara maju dan berwawasan dapat dilaksanakan.

Ia dapat melahirkan tenaga kerja dan rakyat yang mempunyai daya inovatif dan kreatif, turut menyumbang fikiran dan tenaga dalam mencapai aspirasi seperti mana yang termaktub dalam dalam Wawasan 2020 dan Transformasi Nasional 2050. James Ang Jit Eng berpendapat bahawa berlawanan daripada masyarakat yang berfungsi dengan

teratur dan efisien adalah keadaan anarki dan huru hara (James Ang Jit Eng 2013). Isu kegiatan jenayah di sekolah menengah bukan isu enteng yang melibatkan tingkah laku negatif dalam kalangan para pelajar.



______________________________________________________________________________ Bagi menangani isu kegiatan jenayah ini, perlu ada cadangan penambahbaikan. Oleh hal yang demikian, adalah dicadangkan penambahbaikan jangka pendek dan jangka panjang. Bagi jangka pendek, dicadangkan diadakan kursus-kursus berkaitan pengetahuan dan pendidikan undang-undang jenayah kepada pelajar-pelajar sekolah menengah.

Penglibatan wakil-wakil dalam bidang undang-undang, penguatkuasaan undang-undang dan ahli akademik di universiti-universiti juga perlu berhubung pendidikan undang-undang kepada pelajar-pelajar sekolah menengah sebagai satu mekanisme dalam mencegah berlakunya sesuatu kesalahan jenayah. Bidang pendidikan merupakan antara bidang yang penting dalam negara (Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Zarina A Rashid 2017).

Oleh itu, bagi jangka panjang dengan memberikan penekanan dalam bidang pendidikan, adalah dicadangkan diterapkan satu subjek dikhususkan tentang pendidikan undang-undang jenayah di sekolah dalam kurikulum sekolah menengah. Subjek khas ini mestilah mengandungi silibus tersebut: 1.0 Definisi Undang-undang dalam Skop Pendidikan dan Pengenalan tentang Pendidikan Undang-undang 2.0

Jenayah di Sekolah-sekolah berdasarkan Isu-isu Terkini yang benar-benar berlaku di Malaysia. Antara lain: a. Jenayah mencuri; b. Jenayah membuli; c. Jenayah meragut; d. Jenayah merogol; e. Jenayah melakukan pecah rumah; f. Jenayah merompak; dan g. Penyalahgunaan dadah. 3.0 Pencegahan Jenayah melalui Pendidikan Undang-undang 4.0 Hukuman-hukuman bagi Kesalahan Jenayah yang dilakukan 5.0

Maklum balas Pelajar Sekolah Menengah Mengadakan subjek khas sebagai satu mekanisme dalam mencegah berlakunya sesuatu kesalahan jenayah bagi para pelajar sekolah menengah ini merupakan suatu usaha berterusan bagi memperkembang lagi potensi pelajar ke arah tingkah laku yang lebih baik agar dapat melahirkan insan yang seimbang, harmonis, berakhlak mulia dan bermoral tinggi bertujuan mengekal dan memastikan kualiti hidup generasi masa depan lebih baik dan terjamin.

Oleh hal yang demikian, kursus seperti ini perlu diadakan dan diberi perhatian penting

oleh pihak KPM. KESIMPULAN Kesimpulannya, adalah didapati bahawa pendidikan undang-undang ialah satu mekanisme dalam mencegah berlakunya sesuatu kesalahan jenayah yang akan berlaku pada masa ini.

Pencegahan jenayah secara berkesan dan bertanggungjawab mampu meningkatkan kualiti hidup semua pihak termasuklah golongan pelajar sekolah menengah (Stephen Machin, Oliver Marie & Suncica Vujic 2011). Pencegahan jenayah memerlukan perubahan yang lebih baik dan telus yang melibatkan kerajaan, institusi, organisasi, dan masyarakat untuk mengharungi cabaran dalam melaksanakan pencegahan jenayah tersebut.

Pendedahan elemen asas jenayah seperti mens rea dan actus reus dan undang-undang jenayah kepada pelajar di sekolah menengah memberikan kesan positif kepada masyarakat dan negara. Kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan untuk menjamin dan mengekalkan persekitaran yang baik dalam masyarakat yang hidup secara harmoni amat perlu bagi mengurangkan indeks kes-kes jenayah di negara kita. Ia juga mampu mengurangkan kadar kes jenayah yang dibawa ke mahkamah.

Pengurangan indeks jenayah di negara boleh membantu kerajaan untuk memenuhi salah satu misi dalam 389 Proceedings of The Tuanku Ja ' afar Conference (TJC) 2017 Governance Towards Sustainable Development Goals

________________________________________________________________

pentadbiran negara. Pelajar-pelajar perlu didedahkan kepada keadaan jenayah sebenar di Malaysia agar mereka menyedari kesan-kesan buruk akibat daripada penglibatan dalam aktiviti jenayah.

Mudah-mudahan, kursus-kursus dan subjek khas sebagai kurikulum tentang pendidikan undang-undang jenayah di sekolah-sekolah menengah dapat membantu pelajar dan juga masyarakat secara keseluruhan untuk membina persekitaran yang kondusif, bebas jenayah dan baik bagi meningkatkan pembangunan mampan di negara ini.
PENGHARGAAN Penulis ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (Malaysia) bagi peruntukan dana penyelidikan di bawah geran FRGS/1/2014/SSI10/UKM/02/6, FRGS/2/2014/SSI10/UKM/03/1, FRGS/1/2014/SSI10/UKM/02/7 dan dedikasi khas kepada ahli kumpulan penyelidikan terhadap sokongan padu dan kepakaran yang dicurahkan.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan yang diberikan. Penulis juga mendoakan kesejahteraan buat arwah Prof. Madya Dr. Anita Abdul Rahim yang banyak memberi tunjuk ajar dan telah pergi meninggalkan kita. Al-Fatihah. RUJUKAN Abd Aziz Hussin. (2002). Memperkenalkan

Undang-undang. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. Ahmad Nazri Mohamad. (2004). Budak Dua Belas Tahun Direman. Harian Metro. 10 Disember: 20C. AhRafa'Md (2014).Berita Online tarikh20 Remaja a, Buli m Membarah. http://www.bharian.com.my/node/18569 (9 September 2016). Akta Pelajaran 1961. Akta Pendidikan 1996. Anita Abdul Rahim.

(2014). Jenayah Kanak-kanak: Dari Undang-undang Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. hlm 32-36, 39, 188, 203. Malayan Union Report M.U. 3484/47 No. 18; Report of The Juvenile Delinquency and Juvenile Welfare Committee, c291. Anita Abdul Rahim, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin & Ramalinggam Rajamanickam. (2014). School Students Committing Crime: The Position under The Malaysian Criminal Law. ITMAR 20-21 Oktober 2014. Istanbul. hlm 1.

Astro ani tajuk"Kira - kira buli sekodirekodpada bertarikh Mac 16. http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kira-kira-3-000-kes-buli-di-sekolah-direkod-pada-2015-100060 (14 September 2016). 390 Proceedings of The Tuanku Ja ' afar Conference (TJC) 2017 Governance Towards Sustainable Development Goals

_______________________________________________________________ Astro Awani. (2016). Kementerian Pendidikan lindungi guru jika disaman ibu bapa-Mahdzir. http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kementerian-pendidikan-lindungi-guru-jika-disaman-ibu-bapa-mahdzir-124760 (30 Mei 2017). Brend v Wood [1946] 175 LT 306. Bryan A. Garner. (1999). Black'ary, MInn: West Group, St. Pau32 Francis Bowes Sayre. Mens Rea. Harvard Law Review.

Vol. 45. No. 6 (April 1932). hlm 974-1026, hlm 794. https://www.jstor.org/stable/1332142?seq=1#page_scan_tab_contents (23 Mei 2017). James Ang Jit Eng. (2013). Pengurusan Disiplin Murid. PTS Professional Publishing Sdn Bhd. Edisi kedua. John E. Conklin. (1986). Criminology. New York dalam buku Mohd Reduan Aslie. (2009). Jenayah: Segerun Nama, Sekeras Hukuman. Semakin Hilangkah Rasa Perikemanusiaan? Alaf 21 Sdn Bhd, Malaysia. hlm 13-14. Joseph Raz, The Concept of Legal System, 1983.

Kamil Yusof. Falsafah dan Matlamat Pendidikan Negara. https://www.academia.edu/10094221/FALSAFAH_DAN_MATLAMAT_PENDIDIKAN_NEGARA (30 Mei 2017). Kamus Dewan. (2011). Definisi disiplin. Kamus Undang-undang. (2006). Bahasa Inggeris- Bahasa Melayu, "Law", Oxford FajBhd, Malaysia. h12. Lochner, L. dan Moretti, E. (2004). The Effect of Education on Crime: Evidence from Prison Inmates. Arrests and Self- Reports. American Economic Review. Vol. 94. hlm 89-155. Malaysian Digest.

Utusan Malaysia. Kemenjadian Murid Fokus TN50 dalam Aspek Pendidikan. http://www.malaysiandigest.com/bahasa-malaysia/672101-kemenjadian-murid-fokus-tn50-dalam-aspek-pendidikan.html (29 Mei 2017). Mei Hui Low. (2017). Strict Liability in Criminal Law Malaysia. https://www.academia.edu/8677070/Strict_Liability_In_Criminal_Law_Malaysia (19 Jun 2017). Mohd Ibrahim v Public Prosecutor [1963] 1 MLJ 289. Mohd Ismail Othman. (2011).

Undang-undang untuk Pengetua dan Guru Besar, PTS Professional Publishing Sdn Bhd, Edisi ketiga, Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Zarina A Rashid. (2017). Peraturan dan Undang-undang Kawalan Disiplin Murid di Malaysia. Malaysian Online Journal of Education. Vol. 1. No. 1. hlm 1-11. hlm 9. http://journal.kuis.edu.my/omje/wp-content/uploads/2017/04/01-11_Vol.1_No.1_2017-1.pdf (9 September 2017). Nik Abd Rashid Abd Majid. (1991). Peranan Undang-undang. Dalam buku Mohd Reduan Aslie. (2009). Jenayah: Segerun Nama, Sekeras Hukuman.

Semakin Hilangkah Rasa Perikemanusiaan? Alaf 21 Sdn Bhd, Malaysia. hlm 29-30. 391 Proceedings of The Tuanku Ja ’ afar Conference (TJC) 2017 Governance Towards Sustainable Development Goals
________________________________________________________________________ Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan. Bab 6: Mengurangkan Jenayah. http://www.pmo.gov.my/GTP/documents/Pelan%20Hala%20Tuju%20GTP/Pelan%20Hala%20Tuju%20GTP_Bab06.pdf (16 Jun 2017). PP v The Offender [1998] 4 MLJ 152. Public Prosecutor v Darmalingam [1987] 2 MLJ 519, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Ratanlal & Dhirajlal. (1987).

Law of Crimes. Vol. 1, Edisi ke-23, New Delhi: Bharat Law House. hlm 1. Regina v Brimilow [1840] 9 CAR & P 366, 1928. The English Reports, Vol. 173, England: Professional Books Ltd., hlm 871. Rekod Jenayah Pesalah Kanak-kanak berdasarkan Mahkamah Tinggi (Bahagian Jenayah) Kuala Lumpur, Rekod bagi tahun 2013 hingga setakat 31 Julai 2017.

Seksyen 2, Akta Kanak-kanak 2001 memperuntukkan bahawa kanak- kanak ialah mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Sidek Baba. Utusan Melayu (M) Bhd. TN50 Perlu Jana Negara Maju Lestari. http://www.utusan.com.my/rencana/utama/tn50-perlu-jana-negara-maju-lestari-1.451972 (29 Mei 2017). Stephen Machin, Oliver Marie & Suncica Vujic. (2011). The Crime Reducing Effect of Education. The Economic Journal. Blackwell Publishing. Oxford, UK. 121.

hlm 463-484, hlm 463. Takrifan Rasmi Jenayah Undang-Undang oleh R. White dan F. Haines. (2000). Crime and Criminology. Edisi kedua. Oxford: OUP. hlm 4-5. The King v

William Groombridge [1836] 7 CAR & P 116, 1928. The English Reports, Vol. 173, England: Professional Books Ltd, hlm 256-257. The News Straits Times bertarikh 13 Mac 2005 dalam buku Anita Abdul Rahim (2014). Jenayah Kanak-kanak: Dari Undang-undang Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. hlm 204. Tie Fatt Hee. (2014). Undang-undang Pendidikan di Malaysia, Sweet & Maxwell, Thomson Reuters Malaysia Sdn Bhd. Tun Salleh Abas. (1980). Bagaimana Undang-undang Diperbuat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 124 Kajian Terhadap Keberkesanan Undang-undang Pentadbiran Harta Pusaka Islam di Malaysia Suhaimi Ab Rahman Adilah Abd Razak Rasyikah Md Khalid Abu Bakar Jaafar 1273 125 Penerapan Prinsip Non-Refoulment dalam Penanganan Pengungsi di Indonesia Malahayati Elida Sari Yulia 1279

INTERNET SOURCES:
-------------------------------------------------------------------------------------------
<1% - https://appsmu.ukm.my/domainexpert/main/penerbitanterkini/SzAxMjA5Mw==
<1% - https://appsmu.ukm.my/domainexpert/main/penerbitanterkini/SzAwNjA3OQ==
<1% -
https://qglobal.pearsonclinical.com/qg/resourceLibraryTree.seam?actionMethod=resourceLibraryTree.xhtml%3AsettingsManagementAction.prepareSettings
<1% -
https://www.sagepub.com/sites/default/files/upm-binaries/15451_Intro_&_Ch_1_Pierangelo_(IEPs)_Final_Pdf.pdf
<1% -
http://www.ukm.my/fuu/wp-content/uploads/2017/01/Prospektus-Prasiswazah-Fakulti-Undang-undang-UKM.-1.pdf
<1% -
http://www.yayasansimedarby.com/media/malaysias-first-academic-research-on-palm-oil-sustainability-arpos-network-symposium
<1% - https://appsmu.ukm.my/domainexpert/main/penerbitanterkini/SzAwNjg0NQ==
<1% - https://academic.oup.com/rev/article-abstract/29/1/4/5707366
<1% - http://www.un.or.id/what-we-do/sustainable-development-goals-sdgs
<1% - https://cwmd.kumamoto-u.ac.jp/conference/index.html
<1% - https://www.tuhh.de/iue/iwwg/activities-events/past-events.html
<1% -
https://cdn.csu.edu.au/__data/assets/pdf_file/0006/748419/Preface-to-procedings.pdf
<1% -
https://en.wikipedia.org/wiki/Wikipedia_talk:WikiProject_Mathematics/Archive/2017/Oct
1% - https://appsmu.ukm.my/ukmsarjana/main/penerbitanterkini/SzAwNzM0Mg==
3% -

http://www.ukm.my/fuu/wp-content/uploads/2017/11/TJC-2017-Jadual-Sesi-Selari-Updated-on-20-nov-2017.pdf
<1% - https://econpapers.repec.org/article/hurijarbs/
<1% - http://ejournals.ukm.my/akademika/search/titles
<1% - http://www.aessweb.com/html/4094
<1% - https://ukmsarjana.ukm.my/main/penerLainlain/SzAxNTcwMA==
<1% - https://www.researchgate.net/publication/329241998_Synthesis_and_Characterization_of_ZnO-decorated_GO_Nanocomposite_Material_with_Different_ZnO_Loading_through_Sol-gel_Method
<1% - https://ukmsarjana.ukm.my/main/lihat_profil/SzAyMjA3Nw==
<1% - https://ukm.pure.elsevier.com/en/publications/deltoid-anterior-contraction-in-maneuvering-the-steering-wheel
<1% - https://www.scribd.com/document/396881880/proceeding
<1% - https://umexpert.um.edu.my/shajar.html
<1% - http://www.aessweb.com/pdf-files/IJASS-2018-8(5)-241-255.pdf
<1% - http://psasir.upm.edu.my/view/year/2018.html
<1% - https://www.law.cmu.ac.th/law2011/files/cv_ua29_en.pdf
1% - https://appsmu.ukm.my/domainexpert/main/penerbitanterkini/SzAxNTcwMA==
<1% - http://journalarticle.ukm.my/view/year/2018.html
<1% - http://ejournal.ukm.my/juum/issue/view/1149
<1% - https://appsmu.ukm.my/ukmsarjana/main/penerbitanterkini/SzAwOTQyNA==
<1% - https://www.researchgate.net/profile/Fazly_Mohd2/publication/324805442_Assessing_The_Impacts_Of_The_Sea_Level_Rise_At_Batu_Pahat_Johor/links/5ae351afa6fdcc3bea927a31/Assessing-The-Impacts-Of-The-Sea-Level-Rise-At-Batu-Pahat-Johor.pdf
<1% - http://www.ukm.my/jsm/malay_journals/jilid48bil2_2019/Jilid48Bil2_2019ms353-359.html
1% - http://repository.unimal.ac.id/5165/
<1% - https://www.researchgate.net/publication/315456905_KESIHATAN_FIZIKAL_DAN_MENTAL
<1% - http://article.scirea.org/pdf/17011.pdf
<1% - https://hilmiemd.blogspot.com/2008/
<1% - https://quizlet.com/15805449/sociology-exam-3-short-answer-flash-cards/
<1% - https://www.studyblue.com/notes/note/n/crim-4014-study-guide-2013-14-radlett/deck/8696025

<1% - https://cikguruzimah.blogspot.com/2013/
<1% - https://es.scribd.com/document/215739814/HUBUNGAN-KERAJAAN
<1% - https://ms.wikipedia.org/wiki/Kanun_Keseksaan
<1% - https://pasmarang.blogspot.com/2013/06/hukuman-hudud.html
<1% - https://tangisanmelayu.blogspot.com/2016/08/adakah-kes-derma-26b-akan-di.html
<1% - http://ejournal.ukm.my/mjc/article/download/14992/7472
1% - https://ms.wikipedia.org/wiki/Liabiliti_ketat
<1% - https://politiktaikucing.blogspot.com/2010_10_28_archive.html
<1% - https://charleshector.blogspot.com/2017/11/siti-noor-aishah-atam-dipenjarakan-5.html
<1% - https://diabuatdah.blogspot.com/2011_05_05_archive.html
<1% - https://dperbatasan.blogspot.com/2009/10/
<1% - https://kelabantijenayahdandadahmalaysia.blogspot.com/2013/
<1% - http://www.ukm.my/geografia/images/upload/9xx.geografia-april15-faizah-edam1.pdf
<1% - https://min-def.blogspot.com/2012/02/bersatu-mencegah-jenayah.html
<1% - https://kelabantijenayahdandadahmalaysia.blogspot.com/2013/09/mengurangkan-jenayah.html
<1% - https://min-def.blogspot.com/2012/02/
<1% - https://remaja10.blogspot.com/p/ipta.html
<1% - https://id.scribd.com/doc/175493576/Pelan-Hala-Tuju-GTP
<1% - https://cikguramsulbmspm.blogspot.com/2018/04/proses-menulis-karangan-dimensi.html
<1% - https://pmkeruntuhanakhlak.blogspot.com/
<1% - https://pt.scribd.com/doc/307521162/Kanun-Keseksaan-Akta-574-Mac-2016-v1
<1% - http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/08/1-Umur-Pesalah-Kanak-kanak.pdf
<1% - http://journalarticle.ukm.my/9853/1/Artkl_5_Kecuaian_dan_Pengabaian_Kanak-kanak_oleh_Ibu_Bapa_Kedudukannya_di_bawah_Akta_Kanak-kanak_2001_dan_Prinsip_Syariah.pdf
<1% - https://www.researchgate.net/publication/326742123_DILEMA_PENGUATKUASAAN_SEKSYEN_33_AKTA_KANAK_KANAK_2001_SATU_TINJAUAN
<1% - https://my.usembassy.gov/ms/irf2017_my-053018-ms/
<1% - https://www.researchgate.net/publication/337704817_CIRI-CIRI_TINGKAH_LAKU_IBU_BA

PA_PELAJAR_YANG_TERLIBAT_DENGAN_KERUNTUHAN_AKHLAK_KAJIAN_DI_SEKOLAH_MENENGAH_KEBANGSAAN_MALIM_MELAKA
<1% - https://rosnae.blogspot.com/2011/08/kanak2-yg-hilang-di-malaysia.html
<1% - https://jaserve.blogspot.com/2012/03/ge2123-teknologi-dan-inovasi-dalam.html
<1% - https://dululainsekaranglain.com/undang-undang/undang-undang-jenayah-di-malaysia
<1% - https://rukunnegarablog.blogspot.com/2015/09/
<1% - http://ojs.upsi.edu.my/index.php/EJOSS/article/view/89/71
<1% - https://mazitakaunselor.blogspot.com/2011/01/teori-struktural-salvador-minuchin.html
<1% - https://id.123dok.com/document/y4xj4j0z-bab-i-pendahuluan-a-latar-belakang-peran-notaris-dalam-perubahan-anggaran-dasar-koperasi-koperasi-serba-usaha-menjadi-koperasi-simpan-pinjam-unissula-repository-1.html
<1% - https://koleksiberitapartipas.blogspot.com/2016/06/pakatan-rakyat-pakatan-harapan-dan.html
<1% - https://www.slideshare.net/elizabethbeth144/mobiliti-sosial-melalui-pendidikan
<1% - https://pkgkalumpang2.files.wordpress.com/2010/03/pipp.pdf
<1% - https://www.spp.gov.my/images/pdf/KoleksiTeksUcapan/Teks_Ucapan_Perasmian_YBM_Sempena_Program_Bual_Bicara_SPP_di_Sibu_Sarawak_28229.pdf
<1% - http://eprints.utm.my/id/eprint/11905/1/Tekanan_Dalam_Kalangan_Peserta_Program_Khas_Pensiswazahan_Guru_Besar_Di_Universiti_Teknologi_Malaysia_Dan_Impaknya_Terhadap_Prestasi_Mengurus_Sekolah_Dan_Tahap_Kesihatan.pdf
<1% - http://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2017/07/Artikel-5_Nor-Mohamad-Zulhairi-Ismail_FPend.pdf
<1% - https://adzidane.blogspot.com/2012/08/sistem-pendidikan-malaysia-dan.html
<1% - https://pt.scribd.com/document/185584001/Perkembangan-Pendidikan-Di-Malaysia-Falsafah-Dan-Dasar
<1% - https://www.slideshare.net/AzuraAqura/nota-kpf-3012-pjj
<1% - http://eprints.utm.my/id/eprint/10410/
<1% - https://abihulwa.blogspot.com/2013/
<1% - http://eprints.uthm.edu.my/4172/1/FARAHIYAH_MURNI_HARUN.pdf
<1% - https://id.scribd.com/doc/18265892/Disiplin-Peraturan-Dan-Perundangan-Dalam-Bidang-Pendidikan

<1% - https://www.yumpu.com/xx/document/view/54915389/buku-peraturan-sekolah
<1% - https://ppdaspanchor.blogspot.com/2010/08/amalan-merokok-di-kalangan-pelajar.html
<1% - https://diabuatdah.blogspot.com/2011_08_03_archive.html
<1% - https://www.scribd.com/presentation/121124237/PENDIDIKAN-AWAL-KANAK-KANAK
<1% - https://september74.blogspot.com/2015/06/hak-jagaan-kanak-kanak-konflik.html
<1% - http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2017/05/elemen-pembangunan-202-217.pdf
<1% - https://ahnizah-ipgkp.blogspot.com/2014/06/penderaan-kanak-kanak.html
<1% - https://koleksiberitapartipas.blogspot.com/2016/12/ngo-ngo-pro-islam-mapimabimdan-lain.html
<1% - http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/22936/134_157.PDF
<1% - https://panglimakuyukuyu.blogspot.com/2011_07_22_archive.html
<1% - https://forum-rencana-pmrsibu.blogspot.com/2008/01/
<1% - https://www.govserv.org/MY/Shah-Alam/1623309737692736/Jabatan-Kebajikan-Masyarakat-Negeri-Selangor
<1% - https://arifomar.blogspot.com/2010/05/
<1% - https://www.slideshare.net/mamachop/modal-insan
<1% - https://ukmsarjana.ukm.my/main/penerbitanterkini/SzAwNjg0NQ==
<1% - https://tips-skema-upsr-pmr-spm.blogspot.com/p/karangan-contoh-pmrspm.html
<1% - https://tamilselvi-subramaniam.blogspot.com/2011/12/etika-keguruan-dan-peraturan-pendidikan.html
<1% - https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Sekolah_Menengah_Kebangsaan_Tok_Janggut
<1% - https://br2608.wordpress.com/2010/05/
<1% - http://mohdsaidi.weebly.com/etika-dan-profesion-perguruan.html
<1% - https://tamilselvi-subramaniam.blogspot.com/2011/12/etika-keguruan-dan-peraturan-pendidikan.html#!
1% - https://www.slideshare.net/unaz78/fullassignment-edu
<1% - https://www.slideshare.net/yuyuemelissa/pengetua-ind
<1% - https://www.slideshare.net/hazrinimam/akta-pendidikan-1996-7802492
<1% - https://cikguani.blogspot.com/2009/03/akta-pendidikan-1996-akta-550.html
<1% - http://www.polisas.edu.my/portal/images/stories/Mqa/Akta550.pdf

<1% - https://www.scribd.com/presentation/256896558/guru-dan-cabaran-semasa-guru-dan-perundangan-ppt
<1% - https://anacheqna.blogspot.com/2015/02/tajuk-2-guru-dan-perundangan.html
<1% - https://pltang-edu3093.blogspot.com/2015/03/bab2-tentang-akta-pendidikan-1996.html
<1% - https://belognilam.blogspot.com/2011/03/
<1% - http://longpages.com/jiqcam/kanun-jenayah-syariah.html
<1% - https://pengajianamk1.blogspot.com/2010/
<1% - https://medwelljournals.com/abstract/?doi=sscience.2014.129.134
<1% - https://seksidewasa.blogspot.com/2009/01/penderaan-seks.html
<1% - https://koleksiberitapartipas.blogspot.com/2014/07/kerajaan-najib.html
<1% - https://core.ac.uk/download/pdf/11782540.pdf
<1% - https://nukilanhangnadim.blogspot.com/2011_01_16_archive.html
<1% - http://www.ibnuhasyim.com/2012_12_16_archive.html
<1% - https://issuu.com/pacisasak/docs/pelita_brunei_-_sabtu_30_jan_2016
<1% - https://diabuatdah.blogspot.com/2016/03/
<1% - https://sunizam.blogspot.com/2015/02/guru-dan-isu-kecuaian-guru-dan-undang.html
<1% - https://sunizam.blogspot.com/2015/
<1% - https://mrtime7.blogspot.com/2009/05/disiplin-untuk-murid-yang-babal-dari.html
<1% - http://journal.kuis.edu.my/omje/wp-content/uploads/2017/04/01-11_Vol.1_No.1_2017-1.pdf
<1% - https://www.researchgate.net/publication/319208043_PENDIDIKAN_ALAM_SEKITAR_SEBAGAI_MEDIUM_UTAMA_DALAM_KONTEKS_MENINGKATKAN_KESEDARAN_ALAM_SEKITAR_SATU_KAJIAN_PERSEPSI_DARI_SUDUT_PANDANGAN_PENTADBIR_GURU_IBU_BAPA_DAN_MURID
<1% - https://www.slideshare.net/erictance/persamaan-dan-perbezaan-akta-pelajaran-1961-dengan-akta-pendidikan-1996
<1% - https://belognilam.blogspot.com/2011/03/persamaan-dan-perbezaan-akta-pelajaran.html
<1% - http://yik.itgo.com/text/AktaPendidikan.html
<1% - https://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/article/download/21/pdf_17
<1% - https://bmngaifen.blogspot.com/2011/10/karangan-kes-juvenil.html#!

<1% - https://kumpulan7kkd2063.blogspot.com/2014/04/definisi-pembangunan-sahsiah.html
<1% - https://www.researchgate.net/publication/275479359_Senario_Pendidikan_Moral_Masyarakat_Melayu_Zaman_Teknologi_Komunikasi_Maklumat_ICT_Trend_Hala_Tuju_Dan_Model_Pendidikan_Moral_Keluarga_Islam
<1% - https://fierdaushakim2001.blogspot.com/
<1% - https://www.scribd.com/presentation/344278825/Bab-8-Sektor-Awam
<1% - http://www.poliku.edu.my/wp-content/uploads/2020/02/GP-Pengurusan-Inovasi-dan-Harta-Intelek.pdf
<1% - https://archive.org/stream/BeritaKampusUSM/Berita%20Kampus%20Jilid%2044%20Bilangan%2008_djvu.txt
<1% - https://www.scribd.com/document/416105145/Bahasa-Melayu-Tingkatan-2-pdf
<1% - http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kementerian-pendidikan-lindungi-guru-jika-disaman-ibu-bapa-mahdzir-124760
<1% - http://eprints.utm.my/id/eprint/cgi/exportview?format=XML&view=subjects&values=BP
<1% - http://www.readbag.com/pmo-my-gtp-documents-pelan-hala-tuju-gtp-pelan-hala-tuju-gtp-bab04
<1% - https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1631135
<1% - http://www.ukm.my/citra/wp-content/uploads/2019/09/Buku%20Panduan%20Prasiswazah%202018-2019.pdf
<1% - https://www.researchgate.net/publication/330533306_024_PENGECUALIAN_KEPADA_HAK_MILIK_TIDAK_BOLEH_DISANGKAL_DALAM_UNDANG-UNDANG_TANAH_DI_MALAYSIA